

Fenomenologi institusi kekeluargaan dalam pentafsiran dan makna pengalaman hidup: Keupayaan adaptasi keluarga sebagai pihak signifikan penentu kejayaan tugasah ahli akademik ekspatriat di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

ABSTRAK

Kursus teras universiti adalah kursus asas yang ditetapkan oleh universiti. Pelajar wajib mengambil dan wajib lulus kursus ini. Di Universiti Malaysia Sabah (UMS), salah satu kursus teras universiti adalah kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia yang diwujudkan selari dengan penubuhan UMS pada tahun 1994. Kursus ini ditawarkan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) kepada pelajar-pelajar peringkat ijazah pertama di UMS. Pada tahun 2004, kursus ini diubah namanya menjadi kursus Sejarah Pembentukan Nasion Malaysia dan seterusnya digantikan dengan kursus baharu iaitu Hubungan Etnik pada tahun 2008. Seterusnya, kursus teras ini diubah lagi dengan nama baharu iaitu Penghayatan Etika dan Peradaban pada tahun 2020. Kertas kerja ini membincangkan tentang evolusi kursus teras tersebut dengan menumpukan kepada aspek sinopsis, objektif dan kandungan ketiga-tiga kursus ini, serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Kaedah perbincangan pula dibuat secara deskriptif naratif dan deskriptif analitikal dengan menganalisis teks berdasarkan sumber primer dan sekunder, serta bersandarkan pengalaman dan pemerhatian penulis dalam mengendalikan kursus teras tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa kursus teras universiti bersifat dinamik dan anjal, serta seiring dengan kehendak dan keperluan semasa sebagai usaha memenuhi komponen kenegaraan Malaysia.